

Ketulan ais hujan bukan penawar

KUALA LUMPUR – Dua tokoh dari latar belakang berbeza semalam sepakat meminta orang ramai khususnya di Jeli supaya tidak terpengaruh dengan dakwaan ketulan ais hujan batu mempunyai khasiat sebagai penawar.

Dalam hal ini, Mufti Selangor, Datuk Mohd. Tamyas Abdul Wahid berkata, ia perbuatan yang boleh membawa kepada khurafat dan syirik.

“Urusan menyembuhkan penyakit kuasa Tuhan, saya tidak setuju kalau orang percaya ketulan ais itu disimpan sebagai penawar,” ujarnya ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas kejadian hu-

Orang Jeli gempar hujan air batu

oleh SAMSUL BAHARI
NAMED

JELI - 'Hujan batu di negeri sendiri, hujan emas di negeri orang' mungkin sekadar pepatah Melayu mengambarkan perlunya kita beramal patriotik.

Manapun hujan batu berlaku dan fenomena kelantan sejak kes-

elam ini, ia berlaku di kali ini ia berlaku pula di Kulim di sini malam sehingga menimbulkan gempar kepada penda-

wan hujan, ia diiringi ribut yang sehingga menyebabkan kira-kira 100 buah rumah masuk masjid di diterbangkan dan reja tidak ada-
nya kemalangan berlaku.



KERATAN Kosmo! Ahad semalam.

jan air batu yang berlaku di Kampung Kulim, Jeli kira-kira 7.30 malam kelmarin yang menggemparkan penduduk sekitar kawasan tersebut.

Kejadian tersebut dianggap pelik kerana orang ramai tidak berasa takut malah keluar beramai-ramai sambil mengumpul ketulan ais tersebut kononnya

untuk tujuan menyembuhkan penyakit.

Pakar Geologi, Prof. Madya Datuk Dr. Mohamad Ali Hasan pula berkata, ketulan ais itu mungkin tercemar dan tidak sesuai diminum.

“Jangan minum sebab ia mungkin tercemar, sama seperti air hujan,” ujarnya.

Beliau yakin kejadian itu berpunca daripada pengaruh cuaca melampau akibat perubahan luar biasa pada suhu, angin dan haba serta pencemaran sekitar.

Bekas Ketua Jabatan Geologi Universiti Malaya (UM) itu juga menarik perhatian bahawa ia satu lagi petanda kesan pemanasan global.